



Terbit pada Sabtu
minggu pertama setiap bulan

Berita Sawit

MPOB Menjana Perubahan Industri Sawit

BH

Berita Harian

PM lawat pameran MPOB sempena JJD

»Mesin hasil inovasi MPOB tingkat produktiviti sawit

Oleh Che Johari Mamat
mjohari@mpob.gov.my

■ BANGI

Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Razak mengambil peluang melawat pameran mesin penuai buah sawit bermotor (Cantas) dan alat pengutip buah sawit relai di gerai pameran MPOB sempena Program Jelajah Janji Ditepati (JJD) peringkat negeri Selangor, di sini, baru-baru ini.

Kedua-dua peralatan itu adalah hasil inovasi dan penyelidikan dilakukan MPOB bagi meningkatkan produktiviti penanam sawit dan pada masa sama sebagai langkah mengatasi masalah kekurangan buruh ladang bagi kategori penuaian buah sawit.

Pada program JJD di Teras Jernang itu, MPOB bersama agensi di bawah Ke-

menterian Perusahaan Perladangan dan Komoditi (MPIC) turut menyertainya dan ia adalah lanjutan dari program terdahulu.

Program JJD bermula di Kulim, Kedah pada 9 Jun 2012 diikuti di Kamunting, Perak pada 17 Jun 2012 dan di Melaka pada 23 Jun 2012 sebelum program terbaru di Teras Jernang, di Bandar Baru Bangi, pada 7 Julai 2012.

Program beri semangat
Najib sewaktu berucap merasmikan program itu berkata, JJD adalah program Kerajaan yang dirancang di bawah falsafah 1Malaysia bertujuan memberi semangat, kekuatan dan motivasi untuk terus mara serta berkembang menjadi sebuah falsafah nasional.

Kerajaan bukan saja

memperkenalkan falsafah 1Malaysia, malah komited melaksanakan dan menepati janji di bawah falsafah itu.

"1Malaysia yang bermula sebagai sebuah konsep dan dengan sokongan serta dorongan berterusan rakyat jelata, kini sudah berkembang menjadi falsafah nasional yang benar-benar membawa inspirasi dan tenaga baru dalam menyatupadukan rakyat," katanya.

Turut hadir, Timbalan Ketua Setiausaha MPIC, Mohamad Sanuri Shahid dan Timbalan Ketua Pengarah MPOB, Dr Ahmad Kushairi Din.

Pamer aktiviti

MPOB menyertai program itu dengan mempamerkan pelaksanaan aktiviti membabitkan rakyat jelata terutama pekebun kecil sawit dan program di bawah Bidang Bidang Ekonomi Utama Negara (NKEA) Minyak Sawit.

Selaras tema Janji Ditepati, program Skim Bantuan Tanam Baru dan Tanam Semula Pekebun Kecil Sawit, Skim Diskaun Cantas dan Pengutip Buah Sawit Relai untuk penanam sawit diuar-uarkan dalam setiap



DATUK Seri Najib Tun Abdul Razak bersama isteri, Datin Rosmah Mansor melihat alat pengutip buah sawit relai semasa lawatan ke gerai pameran MPOB sempena Program Jelajah Janji Ditepati di Teras Jernang, Bandar Baru Bangi baru-baru ini.

pameran program JJD.

Selain itu, MPIC bersama MPOB dan Lembaga Getah Malaysia (LGM) turut mempamerkan status pencapaian NKEA sawit dan getah. Sehingga tahun 2011, industri sawit dan ge-

tah mencatat pencapaian 98 peratus bagi keseluruhan 12 Projek Permulaan (EPP) di bawah NKEA.

Usaha gigih akan diteruskan pasukan NKEA di Kementerian Perusahaan Perladangan dan Komoditi

bagi memastikan sasaran akhir sumbangan sebanyak RM230.9 bilion kepada Pendapatan Negara Kasar (GNI) iaitu RM178 bilion bagi sawit dan RM52.9 bilion bagi getah akan dapat dicapai menjelang tahun 2020.

FAKTA NOMBOR

RM230.9b

Sasaran sumbangan komoditi kepada Keluaran Dalam Negara Kasar



PERSIDANGAN KEBANGSAAN PEKEBUN KECIL SAWIT 2012

10-11 September 2012 Hotel Promenade, Kota Kinabalu, Sabah

"Pengerak Transformasi Sawit Negara"

Dirasmikan Oleh:

Y.B.Tan Sri Bernard Giluk Dompok

Menteri Perusahaan Perladangan dan Komoditi Malaysia

OBJEKTIF

- Menyampaikan teknologi baru berkaitan penanaman sawit dan perkembangan terkini dalam industri sawit.
- Menyuntik semangat kepada pekebun kecil, agen pengembangan, pegawai agensi dan individu yang terlibat dalam industri sawit sebagai penggerak transformasi sawit negara.
- Menyediakan ruang berinteraksi, pertukaran idea dan pengalaman di kalangan peserta seminar.

SIAPA YANG PATUT HADIR

Warganegara Malaysia yang terdiri daripada;

- Pekebun kecil individu
- Pekebun kecil tersusun di bawah agensi pertanian kerajaan
- Pengusaha estet sederhana
- Peniaga sawit

- Pengurus / Penyelia estet mini agensi
- Pembekal input pertanian
- Ahli akademik
- Penuntut universiti
- Pegawai Pengembangan dan
- Mereka yang berminat dengan industri sawit

YURAN PENDAFTARAN

RM350.00 termasuk bahan persidangan, makan dan minum sepanjang persidangan.

PERTANYAAN

Pendaftaran Persidangan
Norhaliza Kasmuri / Salmah Hussin
Tel: 03-8769 4570 / 03-8769 4873
Faks: 03-8925 7549 / 03-8926 1202
E-mel: eija@mpob.gov.my / salma@mpob.gov.my

Pendaftaran Pameran

Che Johari Mamat
Tel: 03-8769 4583
Faks: 03-8926 1337
E-mel: mjohari@mpob.gov.my

Teknikal

Hamdan Abu Bakar
Tel: 03-8769 4551
Faks : 03-8922 3119
E-mel : hamdan@mpob.gov.my


Khairuman Hashim

Tel: 03-8769 4984
Faks: 03-8922 3119
E-mel: nurhanani@mpob.gov.my

Nur Hanani Mansor

Tel: 03-8769 4257
Faks: 03-8925 9642
E-mel: nurhanani@mpob.gov.my

Pengumuman



Sektor komoditi merupakan salah satu tonggak utama pendapatan ekonomi negara. Pada tahun 2011, sektor ini merekodkan pendapatan eksport sebanyak RM141.2 billion berbanding RM114.1 bilion pada tahun 2010 iaitu peningkatan sebanyak 23%. Menjelang tahun 2020 pihak Kerajaan menjangkakan sektor komoditi mampu menyumbang sebanyak RM242.6 bilion dalam Pendapatan Negara Kasar (GNI). Bagi mencapai hasrat ini, antara strategi yang menjadi perhatian utama Kerajaan ialah aspek sumber tenaga manusia. Sejalan dengan itu, Kementerian Perusahaan Perladangan dan Komoditi (MPIC) telah mengambil langkah memperkasakan sumber manusia menerusi penubuhan institut latihan yang dikenali sebagai Institut Perladangan dan Komoditi Malaysia (IMPAC).

IMPAC telah ditubuhkan pada 4 November 2010 dengan hasrat untuk melahirkan pekerja yang mahir dan berpengetahuan di dalam memajukan industri komoditi negara. IMPAC berperanan menyelaras dan mengoptimumkan penggunaan semua sumber yang berkaitan dengan latihan dalam enam (6) agensi di bawah MPIC iaitu Lembaga Minyak Sawit Malaysia (MPOB), Lembaga Perindustrian Kayu Malaysia (MTIB), Lembaga Getah Malaysia (LGM), Lembaga Koko Malaysia (LKM) dan Lembaga Kenaf dan Tembakau Negara (LKTN) dan Lembaga Lada Malaysia (MPB).

Antara tugas mencabar yang dipikul oleh IMPAC ialah menangani masalah kekurangan tenaga kerja dalam sektor ladang sawit. Kini terdapat hampir 491,339 orang tenaga kerja di dalam sektor perladangan sawit yang mana 75% daripada mereka merupakan tenaga kerja asing. Kerajaan cuba mengawal banjir tenaga kerja asing ini kerana ia bukan sahaja berpotensi menimbulkan masalah sosial di ladang-ladang sawit tapi turut menyebabkan kerugian dari aspek ekonomi menerusi pengaliran keluar wang negara. Dengan pertambahan keluasan tanaman sawit (5.5 juta hektar) menjelang 2020, negara dijangka memerlukan lebih ramai tenaga kerja dalam mengendalikan aktiviti penyelenggaraan di dalam ladang sawit. Berdasarkan kadar 10 hektar tanah: 1 tenaga kerja, dianggarkan 550,000 orang tenaga kerja diperlukan dalam sektor perladangan sawit menjelang tahun 2020.

IMPAC perlu memastikan jumlah tenaga kerja asing ini tidak terus meningkat kerana lebih banyak implikasi negatif akan dihadapi. Oleh yang demikian, antara langkah yang diambil oleh IMPAC ialah memastikan produktiviti tenaga kerja dipertingkatkan dari 10 hektar: 1 tenaga kerja kepada 15 hektar: 1 tenaga kerja. Produktiviti mampu dipertingkatkan dengan penggunaan mekanisasi di ladang seperti Cantas, pembolot tanah dan jentera lapangan untuk pengumpulan buah tandan segar (BTS). Menerusi Kursus Operator Mekanisasi Ladang (KOML), IMPAC melatih golongan belia tempatan menggunakan alat mekanisasi ini supaya produktiviti di dalam ladang boleh dipertingkatkan. Kini seramai 564 belia tempatan telah berjaya dilatih dan bersedia memasuki pasaran kerja.

IMPAC turut memperkenalkan Kursus Asas Penuaian Sawit bagi melatih belia-belia tempatan di kawasan pedalaman Sabah dan Sarawak supaya berkecimpung dalam sektor perladangan sawit. Melalui kursus ini, belia dilatih secara sistematik dalam penyelenggaraan ladang sawit dan IMPAC turut mendorong belia ini menjadikan aktiviti perladangan sawit sebagai kerjaya pilihan.

Selain berusaha menangani masalah tenaga kerja dalam sektor perladangan, IMPAC turut diberi tanggungjawab melahirkan para usahawan dalam sektor komoditi. Kursus Pembangunan Asas Keusahawanan Coklat Buatan Tangan adalah antara usaha IMPAC melahirkan usahawan coklat yang berjaya. Dalam aspek perkayuan, kursus seperti Furniture Design Making adalah antara kursus yang ditawarkan untuk para siswazah yang berminat dalam industri perabot.

Mendidik golongan petani dan menggalakkan mereka berdikari juga merupakan salah satu agenda utama IMPAC. Di antara kursus-kursus yang dianjurkan termasuk Kursus Asas Teknologi Tanaman Koko yang dianjurkan bersama Lembaga Koko Malaysia (LKM), Kursus Teknologi Pengeluaran Lada (KTPL) yang dianjurkan dengan kerjasama Lembaga Lada Malaysia (MPB) dan Kursus Asas Penanaman & Kawalan Tanaman Kenaf Serta Proses Water Retting yang dianjurkan bersama Lembaga Kenaf dan Tembakau Negara (LKTN) khusus untuk penanam kenaf.

IMPAC memerlukan sokongan semua pihak seperti industri komoditi, belia dan petani di dalam menjayakan misinya iaitu melahirkan tenaga kerja yang berpengetahuan dan berkemahiran melalui latihan berasaskan akademik dan kemahiran bagi memenuhi keperluan komoditi. Oleh itu, IMPAC sentiasa mendengar maklum balas dan berbincang dengan pihak-pihak yang terlibat dalam merangka kurikulum kursus yang dianjurkan. Dengan kerjasama yang erat dari semua pihak, IMPAC berharap latihan yang dianjurkan mampu memenuhi keperluan dan kepentingan mereka yang terlibat dalam sektor komoditi.



MINDA
Datuk Dr Choo
Yuen May

**Ketua Pengarah
MPOB**

Pekebun kecil dibantu

» MPOB komited meningkatkan pemindahan teknologi baru

Oleh Che Johari Mamat
mjohari@mpob.gov.my

► Keningau

MPOB adalah sebuah agensi di bawah Kementerian Perusahaan Perladangan dan Komoditi (MPIC) yang bertanggungjawab menjalankan aktiviti penyelidikan dan pembangunan dan menyediakan perkhidmatan kepada pihak industri sawit, termasuk pekebun kecil.

Penyelidikan MPOB dalam semua aspek sawit menghasilkan teknologi dan inovasi baru untuk diterima pakai pihak industri.

Dalam sektor perladangan, teknologi baru yang dibangunkan MPOB meliputi amalan pertanian berkualiti, bahan tanaman berhasil tinggi, formulasi dan teknik pembajaan, kaedah kawalan penyakit dan serangga perosak sawit, amalan integrasi tanaman dan ternakan serta kejenteraan ladang yang menyumbang kepada kecekapan penyelenggaraan kebun dan peningkatan produktiviti hasil sawit.

Ketua Pengarah MPOB, Datuk Dr Choo Yuen May, berkata demikian ketika berucap pada majlis perasmian Kempen Pensijilan Kebun Pekebun Kecil Sawit bagi daerah Keningau oleh Menteri Perusahaan Perladangan dan Komoditi (MPIC), Tan Sri Bernard Dompok di dewan masyarakat di sini, baru-baru ini.

Pemindahan teknologi baru
Datuk Dr Choo Yuen May berkata, bagi meningkatkan peminda-



TAN Sri Bernard Dompok menyerahkan **mesin penuai buah sawit** CANTAS kepada pekebun kecil sempena majlis perasmian Kempen Pensijilan Kebun Pekebun Kecil Sawit Daerah Keningau. Turut kelihatan Ahli Lembaga MPOB, Datuk Tan Yong Ghee (kanan) dan Datuk Dr Choo Yuen May (dua dari kanan).

dahan teknologi baru kepada pekebun kecil, MPOB menyediakan khidmat pegawai TUNAS yang berperanan memberi tunjuk ajar dan penerangan mengenai penanaman sawit.

“Tumpuan khusus kepada sektor pekebun kecil adalah bagi meningkatkan pengeluaran hasil buah tandan segar bermutu melalui amalan mampan, sekali gus berupaya meningkatkan pendapatan pekebun kecil.

“Dalam konteks ini, pekebun kecil perlu menjalin hubungan dan kerjasama dengan pegawai TUNAS bagi mendapat pendedahan teknologi terkini, amalan pertanian baik dan bantuan kerajaan yang disalurkan melalui MPOB,” katanya.

Kaedah sampai maklumat
Maklumat dan teknologi pena-

naman sawit disampaikan kepada pekebun kecil adalah melalui seminar, ceramah, demonstrasi dan lawatan kebun bagi peningkatan pengetahuan mengenai amalan penanaman sawit berkualiti dan produktif.

Seminar Pembangunan Pekebun Kecil yang diadakan di seluruh negara bertujuan memberi pendedahan mengenai kaedah pengurusan kebun yang sempurna dan kecekapan amalan agronomi bagi pengeluaran hasil sawit yang tinggi.

Maklumat mengenai teknologi penanaman sawit turut dihebahkan melalui penerbitan MPOB seperti Warta Sawit, sisipan akhbar Berita Sawit yang diedar bersama Berita Harian dan sisipan Utusan Sawit bersama akhbar Utusan Borneo di Sabah dan Sarawak.

KL-Jakarta adakan kerjasama bidang komoditi

Oleh Nor Ashikin Mohd Hassim
ashikin@mpob.gov.my

► YOGYAKARTA

Mesyuarat Kerjasama Dua Hala Malaysia-Indonesia Dalam Bidang Komoditi berlangsung di sini, baru-baru ini, bermula dengan Mesyuarat Pasukan Petugas Bersama bagi Mempromosikan Imej Minyak Sawit ke-3 (3rd Joint Task Force To Promote The Image of



TAN Sri Bernard Dompok (tiga dari kanan) bersama Menteri Pertanian Indonesia, Dr Suswono Asyraf (empat dari kanan) semasa **Mesyuarat Kerjasama Dua Hala Malaysia-Indonesia dalam bidang komoditi** Peringkat Menteri di Yogyakarta, Indonesia. Turut kelihatan Ketua Setiausaha MPIC, Datin Paduka Nurmalia Abdul Rahim (dua dari kanan) dan Ketua Pengarah MPOB, Datuk Dr Choo Yuen May (kanan).



TAN Sri Bernard Dompok semasa melawat kolam rawatan POME di Kilang Sawit Trushidup milik Genting Plantations Bhd. Turut kelihatan Tan Sri Shahrir Abdul Samad (tiga dari kanan) dan Datuk Dr Choo Yuen May (empat dari kanan).

Kilang sawit digesa tingkat teknologi rawatan POME

» Usaha tingkat kelestarian jadikan lebih mesra alam

Oleh Azran Jaffar
azran@bharian.com.my

Sandakan

Pengusaha kilang sawit di negara ini digesa mengambil kesempatan daripada harga komoditi itu yang tinggi pada masa ini untuk melabur dalam menyediakan kolam rawatan efluen kilang sawit (POME) yang lebih baik bagi meningkatkan kelestarian operasi mereka bagi menjadikan ia lebih mesra alam sekitar.

Menteri Perusahaan Perladangan dan Komoditi, Tan Sri Bernard Dompok, berkata ia perlu bagi mematuhi keperluan kadar ppm Biological Oxygen Demand (BOD) air buangan yang ditetapkan Jabatan Alam Sekitar (DOE) bagi menjadikan industri sawit di negara ini benar-benar mampan.

Ditemui selepas melawat Trushidup Palm Oil Mill milik Genting Plantations Berhad di Sukau, kira-kira 100 kilometer

dari sini, pada lawatan dua harinya ke Lembangan Kinabatangan baru-baru ini, beliau berkata, kerajaan tidak memberikan insentif kepada pengusaha untuk berbuat demikian, namun untuk kepentingan industri ini mereka seharusnya bertindak.

“Ini adalah masa terbaik dan kerajaan mengambil berat terhadap kemampanan industri sawit selaras komitmen 3P People (masyarakat), Planet (planet) dan Profit (keuntungan),” katanya.

Jumlah kilang sawit
Untuk rekod, pada masa ini, ada 428 kilang sawit di seluruh negara dengan 124 daripadanya terletak di Sabah dan daripada jumlah di Sabah, 35 berada di Lembangan Kinabatangan dengan 14 berada di daerah Kinabatangan. Walaupun secara umumnya kadar BOD di Malaysia adalah 100ppm, namun di Sabah dan Sarawak serta kawasan sensitif alam sekitar. DOE menetapkan kadar yang lebih ketat.

Sebagai contoh, untuk kilang baru di Sabah, 20ppm BOD ditetapkan selain pengaliran di darat dikuatkuasakan manakala di kawasan sensitif DOE menguatkuasakan keperluan buangan sifar.

Mengulas mengenai keper-

luan ini di Sabah, terutama Lembangan Kinabatangan, Tan Sri Bernard berkata, kerajaan menyedari keperluan sungai terpanjang di Sabah itu untuk kehidupan masyarakatnya selain tujuan perikanan dan eko pelancongan.

Justeru, dengan jumlah yang agak besar kilang sawit di negeri ini, perlu untuk POME diuruskan dengan sebaiknya bagi memelihara sungai.

Tubuh pasukan petugas
“Lembaga Minyak Sawit Malaysia (MPOB) bersama Persatuan Minyak Sawit Malaysia (MPOA) dan DOE sudah menubuhkan pasukan petugas untuk memantau dan mencadangkan pelan tindakan bagi memastikan POME di Sungai Kinabatangan diuruskan dengan baik.

“Pegawai MPOB sudah mengadakan lawatan ke 14 kilang sawit dan mendapati operasinya dilaksanakan dengan

baik dan akan terus memantau sekiranya ada kilang yang masih berdegil terhadap perkara ini dan tindakan akan diambil sekiranya mereka didapati melanggar peraturan,” katanya.

Dari segi keluasan kawasan tanaman sawit di negara ini, Sabah menduduki tangga pertama dengan 1.43 juta hektar, mengatasi Johor yang sebelum ini berada di tempat teratas dengan apa dihasilkan menyamai keseluruhan eksport minyak sawit ke China.

Tan Sri Bernard berkata, kerajaan menyedari Sabah adalah negeri yang kaya dengan kepelbagaian bio, namun tanaman sawit tidak boleh dikesampingkan kerana selain menyumbang kepada ekonomi negara, ia juga adalah pemangkin kepada pertumbuhan infrastruktur di negeri ini dan pada masa sama membantu kepada kegiatan hiliran industri sawit.

“Ini adalah masa terbaik, kerajaan mengambil berat terhadap kemampanan industri sawit selaras komitmen 3P People (masyarakat), Planet (planet) dan Profit (keuntungan)”

Tan Sri Bernard Dompok,
Menteri Perusahaan Perladangan dan Komoditi

MPOB, UKM lancar Kursi Endowmen industri sawit

Oleh Dr Astimar Abdul Aziz
astimar@mpob.gov.my

Bangi: MPOB dan Universiti Kebangsaan Malaysia baru-baru ini menandatangani perjanjian kursi endowmen untuk kajian kelestarian ekonomi industri sawit Malaysia atau ‘MPOB/UKM Endowment Chair in Oil Palm Industry Development for a Sustainable Economy’.

Majlis berlangsung di Bilik Senat, UKM, di sini.

MPOB diwakili Ketua Pengarah, Datuk Dr Choo Yuen May manakala UKM diwakili Naib Canselor, Tan Sri Dr Sharifah Hapsah Syed Hassan Shahabudin.

Majlis itu dirasmikan oleh Menteri Perusahaan Perladangan dan Komoditi, Tan Sri Bernard Dompok. Teks ucapannya dibaca oleh Ketua Setiausaha MPIC, Datin Paduka Nurmalia Abd Rahim.

Pada majlis berkenaan, MPOB menyerahkan replika cek bagi dana kursi berkenaan berjumlah RM14 juta yang mana pembiayaannya akan dilakukan secara berperingkat-peringkat, iaitu RM8 juta pada tahun pertama dan diikuti dengan RM3 juta untuk dua tahun berikutnya.

Penubuhan Kursi Endowmen MPOB-UKM adalah sebahagian persefahaman dan kerjasama antara MPOB dengan UKM sejak penubuhan Pejabat Penyelidikan MPOB-UKM di Bangi Lama bagi penyelidikan biologi, termasuk biak baka tanaman sawit.

Melalui perjanjian Kursi Endowmen ini, penempatan Pejabat MPOB-UKM yang sedia ada di tanah milik UKM di Bangi Lama akan disambung untuk tempoh 15 tahun lagi.

Pejabat ini menempatkan Pusat Mekanisasi Ladang dan Pusat Teknologi Biojisim yang menyediakan kemudahan loji rintis inkubator bagi penyelidikan dan peminjaman teknologi kepada industri dan syarikat tempatan.

Untuk pelaksanaan Kursi Endowmen ini, sebuah jawatankuasa pemegang amanah akan ditubuhkan bagi menguruskan operasi Kursi Endowmen MPOB-UKM beserta dana berkenaan.

Penubuhan Kursi Endowmen MPOB-UKM ini akan menjadi platform penting bagi perkongsian kepakaran dalam meningkatkan aktiviti penyelidikan, sekali gus akan memberi manfaat kepada penyelidik MPOB dan ahli akademik UKM khususnya bagi bidang teras penyelidikan untuk kursi berkenaan.

Turut hadir pada majlis berkenaan ialah Ketua Setiausaha Kementerian Perusahaan Perladangan dan Komoditi (MPIC), Datin Paduka Nurmalia Abd Rahim; Timbalan Ketua Pengarah (Penyelidikan dan Pembangunan) MPOB, Dr Ahmad Kushairi Din dan Timbalan Naib Canselor, Jaringan Industri dan Masyarakat UKM, Prof Datuk Dr Saran Kaur Gill.

FAKTA NOMBOR

RM14
juta

Dana Kursi Endowmen

Pekebun disaran amal Pensijilan Mampan

»Tingkat produktiviti, pendapatan pekebun

Oleh Che Johari Mamat
mjohari@mpob.gov.my

■ RANAU

Pekebun kecil sawit diseru membabitkan diri dengan mengamalkan 27 kriteria amalan pertanian baik bagi melayakkan mereka mendapat sijil Amalan Pertanian baik MPOB (GAP).

Pengamalan amalan baik pertanian oleh pekebun kecil dalam penanaman sawit akan menyumbang kepada peningkatan produktiviti dan pendapatan mereka sekali gus memastikan industri sawit terus berdaya saing.

Menteri Perusahaan Perladangan dan Komoditi, Tan Sri Bernard Dompok, berkata demikian sewaktu berucap pada perasmian Kempen Pensijilan Kebun Kecil Sawit Daerah Ranau, di sini, baru-baru ini.

“Sejajar keperluan mencapai objektif pengeluaran minyak sawit mampan, Kementerian saya mengadakan Kempen secara berterusan bagi pensijilan kepada pekebun kecil.

“Pensijilan pekebun kecil meliputi amalan kriteria mengikut



Tan Sri Bernard Dompok menyampaikan replika cek bantuan tanam baru sawit kepada pekebun kecil sempena majlis Kempen Pensijilan Kebun Kecil Sawit Daerah Ranau. Turut kelihatan Aknan Eh Took (kiri), Datuk Siringan Gubat (belakang) dan Dr Ahmad Kushairi Din (kanan).

piawaian GAP, Kod Amalan MPOB (CoP) dan Pensijilan Meja Bulat Sawit Mampan (RSPO),” katanya.

Beri kesedaran

Kempen ini bertujuan memberi kesedaran kepada pekebun kecil mengenai penghasilan minyak sawit mampan yang perlu untuk memenuhi permintaan pengguna, selamat digunakan dan mesra alam.

Industri sawit memainkan peranan utama sebagai jentera pemacu pembangunan dan penyumbang kepada pertumbuhan ekonomi negara. Tahun 2011, kawasan tanaman sawit negara mencecah 5 juta hektar atau meliputi 73.2 peratus kawasan tanah

pertanian negara.

Daripada keluasan itu, 39.3 peratus adalah tanaman sawit dari sektor pekebun kecil persendirian dan pekebun kecil kelolaan agensi kerajaan.

Tan Sri Bernard berkata, kerajaan sentiasa memberi perhatian kepada kemajuan sektor pekebun kecil bagi meningkatkan produktiviti dan pengeluaran hasil buah sawit yang berkualiti bagi meningkatkan pendapatan.

“Peningkatan produktiviti sawit berupaya dicapai dengan penggunaan teknologi baru dan amalan pertanian baik yang meliputi penyediaan kebun yang betul, penggunaan benih sawit berkualiti, tek-

nik pembajaan, kawalan musuh dan perosak dan penuaian buah sawit berkualiti,” katanya.

Pendapatan diunjur naik

Beliau berkata, selaras peningkatan eksport dan pendapatan negara dari minyak sawit, Kerajaan mengunjurkan purata pendapatan pekebun kecil juga dijangka akan meningkat sebanyak 47 peratus daripada RM4,794 sehektar pada 2010 kepada RM7,047 sehektar menjelang 2020.

“Bagi memperkasakan industri komoditi negara termasuk sektor sawit, Kementerian saya menggubal Dasar Komoditi Negara (2011-2020) yang menetapkan

kan hala tuju pembangunan dan memperkukuhkan peranan industri komoditi kepada pembangunan ekonomi negara.

“Tumpuan khusus membabitkan sektor pekebun kecil sawit adalah melalui galakan tanam semula dan tanam baru disamping menitikberatkan amalan pertanian baik serta penubuhan koperasi pekebun kecil,” katanya.

Turut hadir Ahli Parlimen Ranau, Datuk Siringan Gubat; Setiausaha Bahagian Industri Sawit dan Sagu, Aknan Eh Took; Ahli Lembaga MPOB, Datuk Tan Yong Ghee dan Timbalan Ketua Pengarah Penyelidikan dan Pembangunan MPOB, Dr Ahmad Kushairi Din.

Maklumat tepat elak publisiti negatif

► Dari muka 2

Palm Oil) diikuti Mesyuarat Peringkat Kumpulan Kerja Kelapa Sawit ke-16 (16th SWGPO) dan Mesyuarat Pegawai Kanan ke-9 (9th SOM).

Mesyuarat kemuncak adalah Mesyuarat Peringkat Menteri ke-7 (7th JC) berlangsung pada hari terakhir.

Bagi Mesyuarat Kumpulan Kerja Kelapa Sawit (SWGPO), Delegasi Malaysia diketuai Ketua Pengarah Lembaga Minyak Sawit Malaysia (MPOB), Datuk Dr Choo Yuen May dan disertai pegawai kanan Kementerian Perusahaan Perladangan dan Komoditi (MPIC), pegawai Kanan MPOB, wakil industri sawit (MPOA dan MPOC) serta wakil MIDA manakala delegasi Indonesia diketuai Pengarah Pembangunan Pasaran Antarabangsa, Kementerian Pertanian Indonesia, Ir. Mesah Tarigan dan disertai wakil dari Kementerian, agensi Kerajaan dan pihak industri sawit Indonesia.

Mesyuarat Peringkat Pegawai Kanan (SOM) yang diadakan pada hari ketiga pula dipengerusikan

Ketua Setiausaha MPIC, Datin Paduka Nurmala Abd Rahim mewakili delegasi Malaysia manakala delegasi Indonesia diwakili Pemangku Ketua Pengarah Kementerian Pertanian Indonesia, Banun Harpini.

Pada Mesyuarat Peringkat Menteri (JC), Malaysia diketuai Menteri Perusahaan Perladangan dan Komoditi, Tan Sri Bernard Dompok manakala Indonesia diketuai Menteri Pertanian Indonesia, Dr Suswona Asyraf.

Bagi menangani isu publisiti negatif terhadap minyak sawit terutama NGO Eropah (Western NGOs), Mesyuarat bersetuju mempergiatkan lagi usaha memberi maklumat tepat tentang kebaikan minyak sawit kepada pengguna dan juga penggubal undang-undang di seluruh dunia.

Antaranya termasuk misi bersama ke negara Eropah dan Amerika, penyebaran maklumat di media cetak dan elektronik, mengadakan perbincangan dengan pihak NGO serta sesi penerangan yang lebih mendalam tentang aktiviti penanaman dan pengeluaran minyak sawit.

Kedua-dua negara juga berse-

pakat meneruskan usaha meyakinkan pihak EPA (Environmental Protection Agency) Amerika Syarikat untuk menerima biodiesel berasaskan sawit di bawah program RFS2 (Renewable Fuel Standard 2) sama ada melalui kerjasama teknikal ataupun melalui saluran politik serta diplomatik.

Sehubungan itu, pegawai EPA akan dijemput melawat kedua-dua negara bagi melihat sendiri pencapaian industri sawit yang dilakukan secara mampan.

Mesyuarat turut dimaklumkan bahawa walaupun pengeluaran minyak sawit mampan yang diperakukan “Roundtable on Sustainable Palm Oil” (RSPO) mencecah 6.4 juta tan, namun permintaan kurang memberangsangkan.

Usaha bagi menggalakkan pengeluaran minyak sawit mampan dalam skala besar dilaksanakan di kedua-dua negara dengan mewujudkan sistem pensijilan mampan masing-masing. Mesyuarat dimaklumkan bahawa “Indonesian Sustainable Palm Oil” – (IS-PO) yang mula berkuatkuasa pada 1 April 2011 lalu dan kini dalam proses penilaian diterima pakai sepenuhnya.

Malaysia masih melakukan kajian secara mendalam bagi skim pensijilan mampannya iaitu “Malaysian Sustainable Palm Oil” – (MSPO).

Pembabitan NGO bantu tingkat sektor perladangan, ekonomi

saufi@mpob.gov.my

Kota Kinabalu: Pembabitan Badan Bukan Kerajaan (NGOs) dalam usaha pembangunan sektor perladangan dan komoditi yang dilaksanakan Kerajaan akan mendorong pertumbuhan pesat ekonomi negara yang memberi manfaat kepada kesejahteraan rakyat. “Pandangan dan maklum balas pelbagai pihak mewakili NGO terhadap usaha Kerajaan meningkatkan kemajuan sektor perladangan dan komoditi akan meningkatkan pembangunan ekonomi khususnya bagi kesejahteraan pekebun kecil,” kata Menteri Perusahaan Perladangan dan Komoditi, Tan Sri Bernard Dompok pada sesi dialog sektor komoditi bersama NGO di negeri Sabah.

Sesi konsultasi dengan NGO adalah usaha Kementerian Perusahaan Perladangan dan Komoditi (MPIC) bagi mendapat maklum balas dan bertukar pan-

dangan yang menyentuh pelbagai isu berkaitan sektor perladangan dan komoditi seperti kepenggunaan dan pengeluaran mampan, perubahan iklim, tenaga diperbaharui dan kebajikan pekerja ladang, kata Tan Sri Bernard.

Antara cabaran di peringkat global berkaitan minyak sawit dan kayu kayan ialah pensijilan mampan, peraturan perdagangan yang menghadkan pengeksportan produk komoditi ke pasaran Eropah serta tuduhan berhubung perkembangan kawasan penanaman sawit yang membabitkan penerokaan hutan dan ancaman kepada habitat seperti orang utan yang menjejaskan imej industri sawit negara.

Turut hadir pada majlis dialog berkenaan ialah Timbalan Ketua Setiausaha (Komoditi) MPIC, N. Nagarajan; Ketua Pengarah MPOB, Datuk Dr Choo Yuen May; Ketua Pengarah MTIB, Dr Jalaludin Harun dan wakil agensi di bawah MPIC.

100 peserta terima sijil IMPAC

» *Tingkat kemahiran belia dalam sektor komoditi*

Oleh Noor Asmawati Abdul Samad watie@mpob.gov.my

► Kuching

100 peserta menerima sijil masing-masing daripada Menteri Perusahaan Perladangan dan Komoditi, Tan Sri Bernard Dompok selepas menamatkan kursus anjuran Institut Perladangan dan Komoditi Malaysia (IMPAC) di sini, baru-baru ini.

Semua peserta terbabit berjaya menamatkan empat kursus yang dianjurkan oleh IMPAC de-

ngan kerjasama agensi di bawah Kementerian Perusahaan Perladangan dan Komoditi (MPIC).

Ikuti kursus kemahiran

Peserta yang menerima sijil IMPAC telah mengikuti Kursus Kemahiran Penuaian Sawit, Kursus Asas Pembangunan Keusahawanan Coklat Buatan Tangan, Kursus Asas Teknologi Tanaman Koko dan Kursus Teknologi Pengeluaran Lada.

Bernard Dompok ketika berucap pada majlis berkenaan berkata kursus anjuran agensi di bawah MPIC bersama IMPAC mampu meningkatkan kemahiran belia tempatan bagi menyertai pasaran tenaga kerja terutama dalam bidang berkaitan dengan komoditi negara.

Katanya, ini adalah penting kerana industri komoditi merupakan tonggak utama sektor pertanian.

“Sektor ini masih memerlukan



Tan Sri Bernard Dompok menyampaikan sijil IMPAC kepada pelajar terbaik bagi kursus penuaian buah sawit. Turut kelihatan Ketua Pengarah MPOB merangkap Pengerusi Lembaga Pemegang Amanah IMPAC, Datuk Dr Choo Yuen May dan Ketua Pegawai Eksekutif IMPAC, Dr Chan Kook Weng (kanan).

bilangan tenaga kerja yang mahir bagi meningkatkan produktiviti dan mengekalkan penguasaan pasaran dunia.

“Oleh itu sebarang kelemahan dalam rantaian pembekalan tenaga kerja mahir akan menjejaskan produktiviti serta mempengaruhi keputusan pelabur untuk melabur dalam negara.

Menurutnya, bagi memastikan prestasi industri komoditi negara terus meningkat, titik lemah di

sepanjang rantaian pengeluaran produk komoditi perlu dikurangkan.

Tambah pekerja mahir

“Ini termasuk mengurangkan ketergantungan kepada tenaga kerja asing, menambah bilangan tenaga kerja mahir tempatan dan menggunakan kaedah mekanisasi perladangan.

Katanya, atas keperluan ini IMPAC ditubuhkan dan sasaran

jangka panjangnya adalah untuk melatih tenaga kerja tempatan seterusnya mengurangkan ketergantungan kepada pekerja asing terutama dalam sektor perladangan.

Beliau turut menggesa semua pihak terutama syarikat perladangan memberi sokongan dan galakan bagi merealisasikan matlamat IMPAC bagi melahirkan tenaga kerja tempatan yang berkualiti.

JOM GUNA CANTAS tingkat kesedaran

Oleh Dr Zainon Mat Sharif dan Sheilyza Mohd Ishak

► Kuala Selangor

Program ‘JOM GUNA CANTAS’ yang julung kali dianjurkan MPOB di premis perniagaan Syarikat Haji Saroji Sdn Bhd, Jalan Raja Musa, di sini, baru-baru ini berjaya meningkatkan kesedaran terhadap penggunaan CANTAS di kalangan penanam dan penuai buah sawit.

CANTAS adalah mesin penuai buah sawit bermotor hasil inovasi dan dibangunkan MPOB untuk kegunaan penuaian buah dan pemotongan pelepah sawit.

Penggunaan CANTAS memudahkan kerja dan terbukti berupaya meningkatkan produktiviti.

Program dirasmikan Timbalan Ketua Pengarah (Perkhidmatan) MPOB, Ahmad Sidek Stroo yang turut melancarkan syarikat berkenaan sebagai Stokis jualan CANTAS yang pertama di bawah NKEA Wilayah Tengah.

Seramai 50 peserta hadir pada majlis itu, terdiri daripada 14 peniaga buah sawit dan selebihnya adalah pekebun kecil sawit sekitar daerah Kuala Selangor.

Tangani masalah buruh

Ahmad Sidek sewaktu berucap berkata, program ini adalah usa-



Timbalan Ketua Pengarah (Perkhidmatan) MPOB, Ahmad Sidek Stroo menyampaikan cenderahati kepada Pengurus Syarikat Hj Saroji Sdn Bhd yang dilantik sebagai stokis jualan cantas pertama di Wilayah Tengah sempena Program Jom Guna Cantas baru-baru ini.

ha kerajaan melalui MPOB untuk menangani masalah kekurangan tenaga buruh di ladang sawit dan pada masa sama berupaya membantu pekebun meningkatkan produktiviti dan pendapatan.

“Program promosi CANTAS akan dilaksanakan ke seluruh negara. Sasaran adalah kepada pekebun kecil, estet dan penuai buah sawit.

“Bagaimanapun, terdapat keperluan untuk membuat promosi secara khas kepada Peniaga Buah Sawit memandangkan pekebun kecil kebiasaannya menyebarkan kerja menuai BTS kepada mereka,” katanya.

Tingkat produktiviti

Ahmad Sidek berkata, penggunaan teknologi baru dalam penguasaan dan penyelenggaraan ladang serta penuai buah sawit berupaya meningkatkan produktiviti kerja dan pengeluaran hasil sawit.

“MPOB menghasilkan CANTAS untuk kegunaan pekebun kecil dan ia terbukti berupaya meningkatkan produktiviti tenaga kerja dan kecekapan kerja penuaian buah sawit.

Hasil tuaian meningkat

“Penilaian dilakukan menunjukkan produktiviti tuaian meningkat hampir dua kali ganda iaitu daripada 1.8 tan kepada 3.2 tan

buah tandan segar bagi seorang pekerja sehari berbanding penuaian secara manual,” katanya.

Beri bantuan

Bagi menggalakkan penggunaan CANTAS, MPOB menyediakan Skim Diskaun CANTAS (SKIDIC) kepada penanam dan pekebun kecil. Bantuan RM1,000 diberikan bagi setiap unit pembelian CANTAS oleh pekebun kecil.

Ahmad Sidek menggesa pekebun kecil dan juga penuai buah sawit mengambil peluang membeli CANTAS pada harga lebih murah ditawarkan.

Pada majlis itu sejumlah tujuh unit CANTAS dijual oleh Fancy

INFO

‘JOM GUNA CANTAS’

- Program JOM GUNA CANTAS bertujuan meningkatkan kesedaran terhadap penggunaan cantas di kalangan penanam dan penuai buah sawit.
- Program MPOB menangani masalah kekurangan tenaga buruh di ladang sawit.
- Bantu pekebun meningkatkan produktiviti dan pendapatan.
- Program promosi CANTAS dilaksana ke seluruh negara.
- MPOB sedia SKIDIC kepada penanam dan pekebun kecil galak penggunaan CANTAS.
- Bantuan RM1,000 diberikan bagi setiap unit pembelian CANTAS oleh pekebun kecil,

Power Industries Sdn Bhd. Syarikat ini berlesen dengan MPOB dan pengeluar serta memasarkan CANTAS ke seluruh negara.

Selain Fancy Power, turut menyertai program satu hari itu adalah NAFAS Jentera Sdn Bhd, e-pelesenan, Skim Diskaun CANTAS (SKIDIC) dan AgroBank.

Program hari berkenaan dimulakan dengan majlis perasmian, pelancaran stokis CANTAS dan cabutan bertuah di kalangan peserta yang hadir serta demonstrasi penggunaan CANTAS dijalankan di ladang sawit berhampiran.

IMPAC sedia peluang kerjaya sektor komoditi

» Pelbagai program pengajian dalam bidang pengurusan, penyelenggaraan ladang



Oleh Siti Nurazlinee Azmi
sitiurazlinee@bharian.com.my

Sektor perladangan dan komoditi hari ini bukan saja memerlukan tenaga kerja tempatan yang berkemahiran tetapi mempunyai ilmu pengetahuan mengenai pekerjaan yang dilakukan bagi meningkatkan produktiviti hasil ladang seterusnya dapat mengurangkan pengambilan buruh asing.

Sehubungan itu, Institut Perladangan dan Komoditi Malaysia (IMPAC) memberi peluang dan ruang kepada golongan muda menyertai pelbagai program pengajian disediakan terutama dalam bidang pengurusan dan penyelenggaraan ladang.

Penubuhan IMPAC tidak hanya melatih menjadi penuai dan buruh ladang tetapi mendidik mereka yang berminat mendalami sektor komoditi dari pelbagai sudut selain bertujuan melahirkan lebih ramai tenaga kerja tempatan

“Graduan IMPAC akan menerima sijil tamat belajar daripada MPIC yang mana setiap sijil dikeluarkan oleh agensi terbabit. Hingga hari ini, IMPAC berusaha keras melebarkan sayap sehingga mencapai status universiti”

Dr Chan Kook Weng,
Ketua Pegawai Eksekutif IMPAC



Kompleks Pusat Latihan Sawit Keratong, Pahang.

yang berlatih untuk melaksanakan amalan mapan bagi menghasilkan keuntungan di setiap komoditi.

IMPAC adalah sebuah institusi latihan hasil gabungan pusat latihan sedia ada di agensi di bawah Kementerian Perusahaan Perladangan dan Komoditi (MPIC) yang mana penubuhannya berterasakan kepada melahirkan tenaga kerja berpengetahuan melalui latihan berasaskan akademik dan kemahiran bagi memenuhi industri komoditi negara.

Terdapat enam agensi dalam IMPAC untuk memberikan latihan kepada pekerja ladang dan mereka yang mahu memulakan langkah dalam sektor komoditi terutama golongan muda, lepasan SPM, Diploma dan Ijazah Sarjana Muda.

Enam agensi terbabit adalah Lembaga Minyak Sawit Malaysia (MPOB), Lembaga Perindustrian Kayu Malaysia (MTIB), Lembaga Getah Malaysia (LGM), Lembaga Koko Malaysia (LKM), Lembaga Kenaf dan Tembaku Negara (LKTN) dan Lembaga Lada Malaysia (MPB).

Ketua Pegawai Eksekutif, IMPAC, Dr Chan Kook Weng ketika ditemui berkata, pada masa sekarang, sektor komoditi mempunyai hampir 65 hingga 70 peratus buruh asing dan disebabkan itu Kerajaan mahu persepsi bahawa bekerja di ladang hanya sesuai untuk pekerja asing ditukar.

Beliau berkata, secara dasarnya sektor perladangan dan komoditi negara berupaya memberi banyak keuntungan kepada pendapatan negara, oleh itu Kerajaan mahu menyekat pengaliran keluar mata wang negara sekiranya buruh asing dapat dikurangkan dari semasa ke semasa.

Katanya, mereka yang berminat

untuk mencuba kerjaya baru di sektor perladangan dan komoditi, boleh mendaftar dengan IMPAC menerusi sesi pengambilan diadakan dua kali setahun.

Bagaimanapun katanya, untuk memastikan mereka benar-benar berminat dan bersungguh untuk menceburi dalam bidang berkenaan, IMPAC akan mengadakan sesi temu duga sebelum diserapkan di pusat latihan dipilih.

“Graduan IMPAC akan menerima sijil tamat belajar daripada MPIC yang mana setiap sijil dikeluarkan oleh agensi terbabit. Hingga hari ini, IMPAC berusaha keras melebarkan sayap sehingga mencapai status universiti.

“Sehubungan itu, kerjasama di antara Kementerian Pengajian Tinggi dan Kementerian Sumber Manusia sedang dijalankan bagi mengukuhkan institusi pengajian di bawah MPIC,” katanya.

kebiasaan graduan berjaya
Chan berkata, sejak ditubuhkan pada 2010 sehingga hari ini, kebanyakan graduan kelahiran IMPAC berjaya dalam kerjaya masing-masing malah dipuji majikan kerana kemahiran dan ilmu yang dipelajari digunakan sebaik mungkin ketika bekerja.

Sebagai contoh kata beliau, kumpulan graduan pertama bagi kategori pekerja ladang yang menjalani kursus perladangan, seramai 15 orang dihantar ke estet Keresia Plantation Sdn Bhd di Sarawak untuk menjalani latihan amali sebelum konvokesyen yang diadakan pada hujung Julai lalu.

Beliau berkata, maklum balas yang diterima daripada majikan sangat memuaskan apabila 15 pekerja berkenaan dikatakan sebagai pekerja ladang terbaik dari segi cara kerja, disiplin, ketepatan masa, menjalankan tugas dengan sempurna dan mempunyai sikap



Tan Sri Bernard Dompok bersama graduan IMPAC selepas majlis penyampaian sijil di Kota Kinabalu, baru-baru ini.

INFO

Pusat Latihan IMPAC

- Pusat Latihan Sawit Keratong, Pahang (MPOB)
- Pusat Latihan Sawit Lahad Datu, Sabah (MPOB)
- Akademi Hawa, Sg Buluh, Selangor (LGM)
- Wood Industry Skill Development Centre (WISDEC), Banting, Selangor (MTIB)
- Pusat Latihan Koko, Kota Kinabalu, Sabah (LKM)
- Pusat Latihan Lada, Kuching, Sarawak (MPB)
- Pusat Latihan Tembaku, Kota Bharu, Kelantan (LKTN)

mahu belajar.

“Dengan maklum balas seperti itu, mereka ditawarkan untuk bekerja di ladang terbaharui sebaik selesai majlis konvokesyen kelak dan ini menjelaskan bahawa kewujudan IMPAC mampu merubah pandangan masyarakat terhadap sikap pekerja ladang yang dahulunya dianggap kemalas, degil dan tidak berdisiplin”.

“Walaupun masa pengajian hanya empat bulan iaitu dua bulan teori manakala dua bulan lagi latihan amali, mereka berupaya menjadi antara pekerja terbaik dan sekiranya ia diteruskan, saya yakin bidang komoditi negara boleh mengurangkan penggunaan buruh asing yang sebenarnya lebih sukar dipantau kerana ketidaksiasaan budaya, bahasa dan cara hidup,” katanya.

Beliau menjelaskan, kejayaan diperolehi itu seiring visi IMPAC iaitu menjadi pusat latihan bertaraf antarabangsa yang dinamik dan unggul bagi memenuhi tenaga kerja mahir dalam industri perusahaan perladangan dan komoditi.


Katanya lagi, disebabkan permintaan tinggi daripada masyarakat tempatan khususnya dari pedalaman Sabah dan Sarawak, IMPAC akan dibuka di beberapa lokasi antaranya Kota Kinabalu, Tawau dan Pitas di Sabah manakala di Sarawak berpusat di Kuching, Bintulu dan Miri.

Selain itu, terdapat beberapa syarikat swasta yang turut memainkan peranan membantu membuka pusat pembelajaran IMPAC di beberapa kawasan pedalaman seperti di perkampungan Orang Asli, Semenanjung Malaysia, Sabah dan Sarawak dengan menggunakan tenaga pengajar dan sibus terkini diluluskan IMPAC.

INFO

Kursus Ditawarkan

- **MPOB**
 - Diploma in Palm Oil Milling Technology and Management (DIPOM)
 - Intensive Diploma in Oil Palm Management and Technology
 - Kursus MPOB Oil Palm Products Surveying
 - Kursus Cosmetic (Colour Cosmetic Course, White Cosmetic Course)
 - Kursus Kemahiran Menggred Buah Sawit
 - Kursus Penyelenggaraan Tapak Semaian Sawit
- **LGM**
 - Kursus Pengurusan Ladang Getah
 - Kursus Pengenalpastian Klon-klon Getah
 - Kursus Pengawasan Penyakit dan Makhluk Perosak Getah
 - Latex Science and Technology Dry Rubber Technology
- **MTIB**
 - Kursus Timber Processing and Finishing Technology
 - Kursus Pengenalpastian kepada Malaysia Grading Rule
 - Kursus Teknologi Pemesinan dan Operasi Mesin Kerja Kayu
 - Kursus Pembangunan Pembangunan dan Pengurusan Profesional
 - Kursus Pembuatan Perabot
- **LKM**
 - Kursus Asas Koko
 - Kursus Asas Pembuatan Coklat
 - Kursus Asas Coklat Binaan Tangan dan Cookies
 - Kursus Lanjutan Teknologi Koko
 - Kursus Penggredan Biji Koko Kering
- **LKTN**
 - Kursus Pengurusan Tanaman secara Fertegasi
 - Kursus Penyelenggaraan Alat Pertanian (Jentera dan Pengairan)
 - Kursus Perlindungan Tanaman Kenaf (Kawalan Penyakit, Perosak)
 - Kursus Amalan Pertanian Baik (GAP) Kenaf
 - Kursus Pengendalian Enterprise Kecil dan Sederhana (EKS)
- **MPB**
 - Kursus Teknologi Pengeluaran Lada
 - Kursus Pemindahan Teknologi Produk Berasaskan Lada



Teknologi kawalan tahap cair hasilkan minyak sawit berkualiti

Kawalan pencairan minyak sawit semasa proses penjernihan di kilang memproses buah untuk menghasilkan minyak adalah amat penting dan memerlukan satu inovasi baru yang efisien bagi memisahkan minyak yang dihasilkan dari air dan pepejal sekali gus akan menghasilkan minyak sawit berkualiti.

Minyak sawit mentah yang dihasilkan di kilang pemprosesan buah kebiasaannya mempunyai tahap kelikatan yang tinggi dan perlu menjalani proses pencairan bagi menghasilkan minyak sawit yang jernih.

Kaedah konvensional pencairan minyak yang digunakan pengilang adalah dengan penambahan air secara manual dengan menggunakan injap dan kebiasaannya proses ini gagal dikawal dengan sempurna oleh pengilang.

Jadi, kaedah seperti itu boleh mengakibatkan minyak sawit yang dihasilkan menjadi terlalu

cair atau tidak cukup cair kerana penambahan dan campuran air secara manual selalunya menyebabkan tahap kecairan minyak sawit itu tidak stabil.

Oleh yang demikian, Pegawai Penyelidik Lembaga Minyak Sawit Malaysia (MPOB) yang diketuai Dr Andrew Yap Kian Chung dan dibantu Fatah Yah Abd Manaf, Zaid Yasir dan Dr N Ravi Menon menghasilkan satu teknologi baru yang tidak lagi memerlukan penambahan air ke dalam proses perahan minyak dengan menggunakan kaedah konvensional tadi.

Teknologi baru itu adalah kawalan pencairan minyak sawit secara automatik dengan menggunakan kawalan komputer di mana penambahan air dilakukan mengikut skala yang sudah ditetapkan.

Dr Andrew ketika ditemui pada Seminar Pemindahan Teknologi 2012 berkata, teknologi yang dikenali sebagai 'Automatic Crude Palm Oil Dilution Pro-

cess Control System' itu bukan saja menghasilkan penjernihan yang cekap, malah dapat mengurangkan kadar kehilangan minyak semasa proses dijalankan kerana tambahan air hanya dibuat sekiranya diperlukan saja.

Selain itu, beliau menyifatkan dengan menggunakan kawalan komputer, jumlah penggunaan air ditetapkan mengikut kandungan minyak sawit supaya sentiasa berada dalam keadaan stabil seperti ditetapkan iaitu sebanyak 39 peratus.

"Melalui cara itu, campuran air hanya dibuat sekiranya ia diperlukan saja, sekali gus dapat mengurangkan jumlah air buangan kerana penetapan tahap cair minyak sawit dihasilkan itu dilakukan menerusi kaedah automatik.

"Penggunaan teknologi moden ini lebih mudah dan meningkatkan kecekapan kilang pemprosesan minyak sawit," katanya.



Penyelidik MPOB, Dr Miskandar Mat Sahri dan Rafidah Ibrahim bersama produk minuman BeCare minyak sawit merah hasil inovasi mereka yang sedia untuk dikomersialkan.

BeCare sesuai untuk kanak-kanak

» Minuman mengandungi vitamin A

Oleh Siti Nurazlinee Azmi
sitinurazlinee@bharian.com.my

FUNGSI utama beta karoten ialah sebagai pro-Vitamin A dan seperti yang diketahui, karoten dari minyak sawit merah mengandungi kadar bioavailabiliti yang paling tinggi berbanding tumbuhan lain.

Apatah lagi, kegunaan beta karoten sebagai makanan tambahan kepada kanak-kanak sangat diperlukan terutama bagi mereka yang kekurangan zat.

Mengikut kajian, kanak-kanak yang didapati mengalami kekurangan Vitamin A boleh diatasi dengan pengambilan sekurang-kurangnya satu sudu makan minyak sawit merah setiap hari.

Bagaimanapun, selepas beberapa kajian dilakukan tiga penyelidik diketuai, Ketua Unit Teknologi Makanan dan Nutrisi MPOB, Dr Miskandar Mat Sahri berjaya menghasilkan minuman berperisa jagung disasarkan kepada kanak-kanak.

Beta karoten yang dijadikan sebagai bahan utama dalam penghasilan minuman itu lebih menjurus kepada rasa enak dan ia sesuai untuk kanak-kanak yang selalunya takut untuk mengambil sebarang bentuk vitamin yang dianggap sebagai ubat yang pahit dan tidak sedap.

Pegawai Penyelidik yang turut bekerjasama dalam penghasilan minuman berperisa jagung itu, Rafidah Abd Hamid, ketika di-

temui berkata, minuman yang diberi nama BeCare, minuman berasaskan minyak sawit merah itu mengandungi beta karoten (sumber vitamin A) 15 kali ganda lebih tinggi daripada lobak merah.

Rafidah yang ditemui pada pameran Seminar Pemindahan Teknologi 2012 di ibu pejabat MPOB, menjelaskan kajian dibuat dalam menghasilkan produk minuman yang mengandungi beta karoten berperisa jagung itu mengambil masa dua tahun bermula Jun 2010.

"Pegawai Penyelidik MPOB memulakan kajian selepas mengkaji statistik Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO) dua tahun lalu mengenai ribuan kanak-kanak di negara membangun dan dunia ketiga buta, separuh buta atau rabun kerana kekurangan zat serta vitamin A.

"Kajian menunjukkan bahawa beta karoten di dalam minyak sawit merah tinggi, iaitu 600 bahagian per sejuta atau berpuluh-puluh kali ganda tinggi daripada sumber lain dan bermula dari situ, kami memulakan penyelidikan bagi menghasilkan produk minuman berkenaan sehingga berjaya disajikan pada Mei lalu," katanya.

Sementara itu, Dr Miskandar berkata, produk minuman itu dihasilkan melalui adunan minyak mengikut komposisi sihat yang mempunyai kandungan lemak tepu, lemak tidak tepu dan mono tidak tepu seimbang berdasarkan saranan Persatuan Jantung Amerika.

First Announcement

5th NATIONAL SEMINAR ON OIL PALM MECHANISATION

PalmMech 2012

ACCELERATING MECHANISATION FOR HIGHER PRODUCTIVITY

ENQUIRIES

Rubiah Masri 03-8769 4587 rubiah@mopob.gov.my

Salmah Husni 03-8769 4873 salma@mopob.gov.my

16 - 17 October 2012 | Putrajaya Marriot Hotel Putrajaya

Organised by

MALAYSIAN PALM OIL BOARD
Ministry of Plantation Industries and Commodities, Malaysia
www.mopob.gov.my



Rohmatin pekebun contoh Teluk Intan

» *Laksana integrasi tanaman, ternakan tingkat pendapatan*

Oleh Tay Say Peng, Muhammad Muhaimin Mohd Nasir dan Nazlan Nazrin Kamarzaman

■ Teluk Intan

Rohmatin Kader (*gambar*), adalah anak kelahiran Bagan Datoh, Perak dan kini menetap di Lot 896, Kg Permatang Guntung, Teluk Intan, Perak. Berumur 54 tahun dan pengusaha sawit sepenuh masa selepas bersara sebagai Penolong Pengurus Ladang Sawit FELCRA Seberang Perak pada 1997.

Terima anugerah

Selama 18 tahun (1979-1997) berkhidmat dengan FELCRA, beliau bertanggungjawab mengurus ladang sawit, koko, padi dan pisang emas. Beliau pernah menerima Anugerah Hasil Ladang Sawit Tertinggi pada 1993 dengan pencapaian 30 tan/ha/tahun dari Pengurusan FELCRA.

Berkahwin dengan Suaibah Rafaei dan hasil perkongsian hidup mereka dikurniakan 10 anak. Isterinya sentiasa memberi semangat, dorongan dan galakan untuk berjaya dalam bidang yang diceburi.

Beliau juga adalah Ahli Jemaah Pentadbiran Sekolah Agama Rakyat Taquiuddin, Kg Permatang Guntung, Teluk Intan; Ahli Kelab 30 Tan MPOB dan Ahli Lembaga Koperasi (ALK) Penanam Sawit Mampan Teluk Intan Berhad yang ditubuhkan tahun ini.

Dengan pengalaman di FELCRA, beliau memulakan tanaman sawit secara berperingkat dengan membeli tanah sedikit

demi sedikit di sekitar Mukim Sg Durian dan membanting tulang empat kerat mengusahakan kebun dimiliki. Kini beliau memiliki kebun seluas 38 hektar.

Terima nasihat TUNAS

Beliau menggunakan anak benih DxP (FELDA dan Guthrie) dibeli daripada pengusaha tapak semaian berlesen dengan MPOB selepas mendapat nasihat Pegawai TUNAS Teluk Intan.

Beliau mengupah 9 pekerja tempatan dan 9 pekerja asing bagi membantu menyelenggara kebun beliau. Aktiviti pembajaan dilakukan 3 kali setahun bergantung kepada cuaca.

Jenis baja kimia digunakan ialah MPOB F2, baja NPK 15:15:15 dan 12:12:17:2 yang ditabur secara serakan sebanyak 9 kg/pokok setahun. Selain itu, kawalan perosak dan penyakit dilakukan apabila terdapat tanda serangan.

Aktiviti pemangkasan pelepah dilakukan ketika menuai buah sawit. Pelepah dipangkas diletak selang sebaris pokok sawit dan dibiarkan reput bagi memastikan kerja penuaian dan lain-lain kerja

penyelenggaraan kebun dapat dilakukan dengan sempurna.

Pusingan penuaian diamalkan ialah setiap 14 hari sepusingan dengan piawaian sebiji buah relai gugur pada pangkal dengan warna kulit luar sawit oren kemerahan. Ini amat penting katanya bagi memastikan buah sawit cukup masak dan berkualiti sahaja dituai dan dijual bagi mendapat harga tinggi di pasaran.

Semua biji sawit relai dikutip dan dihantar bersama buah tandan segar ke pusat timbang dalam tempoh 24 jam.

Guna dua jenis racun

Bagi kerja meracun rumpai, beliau menggunakan 2 jenis racun iaitu racun serap dan racun sentuh. Kebiasaannya beliau akan menggunakan racun jenis serap untuk menghapuskan lalang supaya dapat memberi kawalan yang berkesan, kos efektif dan lebih lama. Kerja meracun dijalankan 2 hingga 3 kali setahun bergantung kepada keadaan ladang dan kebiasaannya dilakukan sebelum kerja pembajaan dijalankan.

Melalui amalan pengurusan

kebun yang baik ini, beliau berjaya memperoleh hasil sawit sebanyak 48.31 MT tan/ha/tahun pada 2011 dan purata pendapatan bersih melebihi RM10,000 sebulan.

Laksana integrasi tanaman

Untuk meningkatkan pendapatan, beliau melaksanakan aktiviti integrasi tanaman dan ternakan dengan kebun sawit.

Bagi integrasi tanaman, beliau memilih sistem tanaman segi tiga sama dengan jarak tanaman 8.84 m x 8.84 m x 8.84 m dan kepadatan 148 pk/ha untuk mendapatkan hasil yang maksimum disamping mengamalkan pengurusan secara lestari.

Beliau mengusahakan tanaman integrasi pisang berangan seluas 5 hektar dan hasilnya dijual kepada peraih tempatan.

Bagi aktiviti integrasi ternakan pula, Rohmatin mengusahakan lembu jantan sebanyak 100 ekor iaitu jenis Brahman Cross. Permintaan akan meningkat semasa musim perayaan kerana beliau menjual lembu jantan untuk dijadikan korban, akikah dan kenduri kahwin.



Rohmatin mengusahakan lembu jenis Brahman Cross sebanyak 100 ekor bagi aktiviti integrasi ternakan.

INFO

Kejayaan Rohmatin

- Memulakan **tanaman sawit secara berperingkat**.
- Kini memiliki kebun seluas **38 hektar**.
- Gunakan **anak benih DxP**.
- Guna **baja kimia MPOB F2**, baja NPK 15:15:15 dan 12:12:17:2.
- Laksana **aktiviti integrasi tanaman dan ternakan** dengan kebun sawit.
- Peroleh hasil sawit sebanyak **48.31 MT tan/ha/tahun** pada 2011 melalui pengurusan kebun yang baik.
- Purata pendapatan bersih melebihi **RM10,000 sebulan**.

Beliau juga memiliki 3 buah mesin excavator bagi menguruskan penyelenggaraan kebun. Selain itu, ia digunakan untuk mengambil upah membersihkan kebun milik pekebun kecil sekitar Mukim Sg Durian, Kota Setia sama ada di bawah skim bantuan MPOB (TSSPK & TBSPK) mahupun secara persendirian.

Beliau berterima kasih kepada MPOB kerana menempatkan seorang Pegawai TUNAS di kawasan beliau yang dijadikan sebagai pakar rujuk dalam meneruskan rentak kecemerlangan dalam tanaman sawit ini.

Guna teknologi MPOB

Rohmatin menyarankan pekebun kecil lain agar menggunakan amalan dan teknologi yang diperkenalkan oleh MPOB demi meningkatkan produktiviti dan memberikan pulangan yang optimum kepada pekebun kecil.

Kesimpulannya, tanaman sawit umpama emas yang bernilai kepada pekebun kecil. Melalui amalan agronomi secara lestari ia berupaya meningkatkan produktiviti dan pendapatan pekebun kecil sekali gus menyumbang kepada peningkatan taraf sosio-ekonomi keluarga.

PILA 2012- MPOC Iktiraf Tokoh Industri Sawit Malaysia

» Sumbangan idea inovatif, kreatif terhadap industri komoditi dihargai

Oleh Suzanna Md Dahan

MPOC baru-baru ini menganjurkan majlis makan malam sempena penyampaian Anugerah Kepimpinan Industri Sawit (PILA - Palm Oil Industry Leadership Award) yang kelima di Kuala Lumpur pada 17 Julai 2012.

Mula diperkenalkan oleh MPOC pada tahun 2008, anugerah PILA ialah pengiktirafan MPOC kepada peneraju industri minyak sawit di atas sumbangan mereka kepada industri ini. Ini termasuk memberi idea yang inovatif, melakukan perubahan kepada polisi yang sedia ada, atau memiliki kualiti kepimpinan tinggi yang kesemuanya memberi manfaat yang sangat besar kepada industri, seperti mewujudkan peluang baru untuk kemajuan serta peningkatan pemasaran minyak sawit.

Menteri Perusahaan Perladangan dan Komoditi, Tan Sri Bernard Dompok, hadir pada majlis itu dan menyampaikan anugerah PILA kepada Ketua Pegawai Eksekutif Kuala Lumpur Kepong Berhad, Tan Sri Lee Oi Hian.

Tan Sri Lee Oi Hian adalah seorang pemimpin bervisi, amat berdedikasi kepada industri sawit. Beliau memulakan kerjayanya dalam industri sawit di Kuala Lumpur Kepong Berhad (KLK) pada tahun 1974. Setahun kemudian, beliau menyambung pendidikan sarjana di dalam bidang pengurusan perniagaan (MBA) di Harvard University, Amerika Syarikat dan kembali ke KLK sebagai Ketua Bahagian Kawalan Pengekualan.

Pada tahun 1985, beliau dilantik sebagai Ahli Lembaga Pengarah KLK dan seterusnya sebagai Pengarah Urusan dalam tahun 1988, sebelum dilantik sebagai Pengerusi dan Ketua Pegawai Eksekutif (CEO) pada tahun 1993. Sejak 2008, beliau melepaskan jawatannya sebagai Pengerusi, dan meneruskan tugasnya sebagai CEO. Pengalaman beliau membolehkan KLK menjadi peneraju global industri minyak dan lemak, melalui pelaburan di dalam syarikat perladangan, penapisan, oleokimia dan nutraseutikal di lokasi-lokasi strategik



di dalam dan luar negara.

Ciri-ciri kepimpinan Tan Sri Lee yang dinamik, pengurusan tadbir korporat yang cekap, dan pengenalan pelbagai inovasi, membolehkan KLK bukan sahaja berjaya menjadi sebuah syarikat cip biru, malahan salah satu syarikat perladangan yang cemerlang.

Kebolehan pemimpin

Tan Sri Lee menyandang pelbagai jawatan dalam industri sawit termasuk Pengerusi MPOC (1996-2009) dan Lembaga Koko Malaysia (1993-1997). Beliau pernah ber-



Tetamu kehormat dan hadirin pada **majlis makan** malam sempena penyampaian Anugerah Kepimpinan Industri Sawit 2012.

khidmat sebagai Presiden Persatuan Pemilik Ladang Malaysia (1986-1990) dan ahli Lembaga Minyak Sawit Malaysia, Majlis Penanam-penanam Kelapa Sawit Malaysia, dan kini berkhidmat sebagai Presiden Majlis Perniagaan Malaysia-Cina, Malaysia-Indonesia dan Malaysia-British. Beliau juga adalah Presiden Kehormat Gabungan Dewan Perniagaan dan Perindustrian Cina, dan pemegang amanah Yayasan Kepimpinan Perdana dan Yayasan Tuanku Bainun.

Pencapaian Tan Sri Lee merangkumi kebolehan sebenar seorang pemimpin industri sawit, sebagaimana tokoh-tokoh penerima PILA yang lalu. Penerima-penerima lalu termasuk Tun Dr Lim Keng Yaik, YM Raja Tan Sri Dato' Seri Utama Muhammad Alias Raja Muhammad Ali, Dato' Sri Peter Chin, dan Tan Sri Datuk Dr Augustine Ong Soon Hock.

Iktiraf individu

Pada majlis yang sama, Anugerah Kecemerlangan Perkhidmatan Industri Sawit turut disampaikan. Anugerah berkenaan diwu-

judkan untuk mengiktiraf individu-individu yang telah berkhidmat sepanjang hayat mereka kepada industri sawit Malaysia. Anugerah yang telah diperkenalkan pada tahun 2010 itu, julung-julung kalinya diberikan kepada KG Berger manakala Professor Dr KC Hayes adalah penerima bagi tahun berikutnya.

Penerima Anugerah Kecemerlangan Perkhidmatan Industri Sawit 2012 ialah Dato' Er Kok Leong yang merupakan Penasihat Korporat Intercontinental Specialty Fats Sdn Bhd (ISF), dan telah berkhidmat hampir empat dekad untuk industri minyak sawit dan perkembangan perniagaan yang berkaitan. Sumbangan beliau di dalam industri sawit amat terserlah di dalam bidang penapisan minyak sawit, pemeringkatan dan aplikasi hiliran, terutama di dalam penghasilan lemak khusus berasaskan sawit untuk industri konfeksi dan coklat. Beliau juga merupakan seorang pakar terkenal dalam teknologi pemprosesan minyak sayuran.

Segala usaha beliau adalah

penting di dalam memajukan penggunaan minyak sawit dan minyak isirung sawit sebagai pengganti lemak haiwan dan minyak kelapa dalam pengeluaran sabun buku. Beliau juga telah berjaya mencipta alternatif kepada lemak tenusu dengan penggunaan minyak sawit, mewujudkan peluang pasaran utama melalui produk susu isian pekat.

Syarikat berdaya saing

Dato' Er telah berjaya merubah ISF menjadi syarikat yang diiktiraf di peringkat antarabangsa dalam pasaran lemak khusus yang berdaya saing tinggi. Ini membawa makna yang mendalam kerana kebanyakan usaha di peringkat permulaan menggunakan teknologi tempatan, di mana inovasi dan formulasi merupakan ilham beliau.

Dato' Er masih lagi berkongsi pengetahuannya yang berharga dan memimpin industri melalui pelbagai cara. Beliau masih berkhidmat sebagai ahli lembaga pengarah MPOC dan merupakan mantan presiden PORAM yang kini aktif sebagai ahli.



Tan Sri Bernard Dompok menyampaikan **Anugerah PILA** kepada Tan Sri Lee Oi Hian. Turut kelihatan Pengerusi MPOC, Dato Lee Yeow Chor (kiri) dan Ketua Pegawai Eksekutif, Tan Sri Datuk Dr. Yusof Basiron.



Dato' Er Kok Leong menerima **Anugerah Kecemerlangan Perkhidmatan Industri Sawit 2012** daripada Tan Sri Bernard Dompok.

Kerjasama perdagangan Malaysia dan negara lain memperkukuh industri sawit

Perdagangan antarabangsa merupakan salah satu faktor pertumbuhan ekonomi Malaysia. Secara keseluruhan eksport komoditi negara pada tahun 2011 bernilai melebihi RM140 bilion dengan minyak sawit dan produknya menjadi penyumbang terbesar iaitu RM82 bilion.

Malaysia menghasilkan 18.91 juta tan atau 37 peratus daripada jumlah pengeluaran minyak sawit pada tahun 2011 dan mengeksport 17.99 juta tan atau 46 peratus daripada eksport minyak sawit dunia selepas Indonesia.

Dominasi bekalan Malaysia dan Indonesia dijangka terus mendominasi bekalan minyak sawit bagi tempoh 10 lagi walaupun banyak negara telah mula meneroka penanaman sawit.

Pertumbuhan pesat industri sawit ini adalah hasil kerjasama perdagangan dengan negara luar. pelbagai agensi bergabung tenaga membina rangkaian kerjasama ini. Di antaranya Kementerian Luar Negeri, MITI, Matrade, MIDA dan bagi industri sawit pula ialah MPIC, MPOB dan MPOC

adalah penggerak utamanya. MPOB sahaja mempunyai lima pejabat luar negara manakala MPOC mempunyai 10 rangkaian pejabat di serata dunia bag memperkukuh jalinan kerjasama perdagangan di samping menjadi penggalak perluasan pasaran minyak sawit dan produk-produk berkaitan.

Hubungan terus berkembang Pada tahun 1963 Malaysia menubuhkan 14 perwakilan diplomatik di luar negara dan kini telah menjadi 105 perwakilan. Ini menunjukkan hubungan kerjasama Malaysia terus berkembang seiring dengan kemajuan negara.

Penubuhan perwakilan diplomatik ini mempunyai matlamat tersendiri dan salah satunya ialah menjalin kerjasama perdagangan.

Siri pendekatan Bagi industri sawit, jalinan kerjasama perdagangan sentiasa dititikberatkan. Beberapa siri pendekatan seperti lawatan kerja, pameran, seminar, forum di anjurkan di serata dunia bagi

mendekatkan industri dengan negara luar.

Sebagai contoh Seminar dan Pameran Perdagangan Minyak Sawit Malaysia (POTS) yang menjadi tonggak memperkukuh jalinan kerjasama perdagangan dalam memperkembangkan dan memperkukuh sektor ini.

Tingkat promosi Melalui POTS, Malaysia berjaya mempromosi minyak sawit dan produk-produknya, membuka ruang pelaburan, menyalur maklumat mengenai teknologi, inovasi dan produk terkini industri sawit Malaysia yang mampan serta menjalin hubungan dengan syarikat berpotensi.

Di sinilah pelabur mendapat segala maklumat mengenai sawit. Dengan kerjasama yang dijalinan, Malaysia telah merundingkan mengenai pengkomersialan teknologi berkaitan industri sawit dengan negara luar.

Dengan adanya kerjasama perdagangan yang dijalin oleh Malaysia dengan negara luar dalam industri sawit seperti New Zealand, Amerika Syarikat, Pakistan dan India serta usaha mempromosi minyak sawit yang terus dipertingkatkan, pasaran dan daya saing minyak sawit dijamin akan terus kukuh menerajui pasaran global.

INFO

PEMENANG PERTAMA

- Mohd Adib Abd Samad
- K/P: 950813-09-5019
- SM Teknik Kuala Lumpur, Bandar Tun Razak, 56000 Cheras, Kuala Lumpur

Peraduan mengarang esei Berita Sawit Ogos 2012

Peraduan ini terbuka kepada pelajar sekolah menengah di seluruh negara. Karangan adalah mengenai industri sawit negara dan antarabangsa dan ditulis tangan berpandukan tajuk yang diberikan di bawah:

Tajuk: 'IMPAC latih tenaga kerja tempatan mahir dan separa mahir sektor komoditi. Huraikan'

Peraduan Mengarang Esei Berita Sawit terbuka kepada semua pelajar sekolah menengah Tingkatan 1 hingga 5.

Tiga pemenang utama setiap bulan akan menerima; Hadiah Pertama : RM250 Hadiah Kedua : RM200 Hadiah Ketiga : RM150

Esei yang berjaya mendapat tempat pertama akan disiarkan dalam Berita Sawit keluaran bulan Ogos 2012 akan datang.

Syarat Penyertaan:

- Terbuka kepada pelajar sekolah menengah tingkatan 1 hingga 5
- Panjang esei di antara 450 - 600 patah perkataan
- Sila nyatakan nama penuh, alamat sekolah, alamat rumah, nombor kad pengenalan, nombor telefon dan sekeping gambar berukuran pasport (sekiranya ada)
- Keputusan juri adalah muktamad
- Tarikh tutup penyertaan ialah pada 24 Ogos 2012
- Hantarkan penyertaan ke alamat: Peraduan Mengarang Esei Berita Sawit

Ibu Pejabat MPOB 6, Persiaran Institusi, Bandar Baru Bangi, 43000 Kajang, Selangor u/p: Noor Asmawati Abdul Samad (Unit Perhubungan Awam)

Keputusan Peraduan Mengarang Esei Berita Sawit Julai 2012:

Pemenang: **Hadiah Pertama** Mohd Adib Abd Samad (No. K/P: 950813-09-5019) SM teknik Kuala Lumpur Bandar Tun Razak, 56000 Cheras, Kuala Lumpur

Hadiah Kedua Siti Hadijah Abd Hamid (No. K/P: 960623-59-5240) SMK Bandar Baru Serting 72120 Bandar Baru Jempol, Negeri Sembilan

Hadiah Ketiga Nur Atikah Alias (No. K/P: 960917-08-5084) SMK Sultan Abdul Aziz, 36000 Teluk Intan, Perak

KUIZ SAWIT

Syarat penyertaan

- Penyertaan dibuka kepada pelajar Sekolah Rendah Tahun 1 - 6
- Penyertaan hendaklah disertakan dengan borang dan ditandatangani oleh guru sekolah
- 10 pemenang yang menjawab dengan betul akan dipilih sebagai pemenang
- Sekiranya terdapat lebih 10 pemenang, Cabutan Bertuah akan dibuat oleh panel kuiz.
- Keputusan pengadil adalah muktamad
- Jawapan hendaklah sampai selewat-lewatnya pada 24 Ogos 2012
- Hantarkan jawapan berserta nama penuh, no. telefon, alamat rumah dan alamat sekolah yang lengkap kepada :

Ketua Pengarang Berita Sawit
Kuiz Sawit (Siri 19)
Ibu Pejabat MPOB
6, Persiaran Institusi,
Bandar Baru Bangi,
43000 Kajang, Selangor
 (UP: Noor Asmawati Abdul Samad)

Soalan Kuiz Sawit Siri 20

1. MPOB adalah sebuah institusi yang menjalankan peranan berikut:
 - Penyelidikan dan pembangunan industri getah
 - Penyelidikan, pembangunan, pelesenan dan perkhidmatan industri sawit
 - Penyelidikan dan pelesenan industri sawit
2. Berikut ialah spesies sawit yang ditanam di Malaysia kecuali
 - Tenera Pisifera Gingko
3. Sawit berpotensi menghasilkan makanan berkhasiat tinggi seperti berikut kecuali:
 - Mentega Keju Marjerin
4. Pelbagai perkhidmatan ditawarkan oleh MPOB kepada pihak industri, salah satunya ialah:
 - Penyediaan latihan dan kursus SMS harga sawit
 - Penyediaan rumah rehat
5. Pokok sawit mulai mengeluarkan hasil seawal usia dua tahun hingga jangka hayat produktif iaitu...
 - 10 tahun 15 tahun 25 tahun
6. Bagi memastikan industri sawit negara dilaksanakan secara mampan, MPOB telah memperkenalkan kod amalan iaitu...
 - CoP RSPO SOP
7. MPOB telah melancarkan koperasi bertujuan meningkatkan pendapatan pekebun kecil yang dikenali sebagai...
 - Koperasi Pekebun Sawit Koperasi Penanam Sawit Mampan
 - Koperasi Sawit Mampan
8. Skim Tanam Semula Sawit adalah bantuan yang disalurkan kepada golongan
 - Pekebun kecil sawit Pengusaha ladang
 - Pengusaha tapak samaian
9. IMPAC adalah singkatan
 - Institut Perusahaan dan Komoditi Malaysia Institut Pertanian dan Komoditi Malaysia
 - Institut Perladangan dan Komoditi Malaysia
10. Kursus yang ditawarkan oleh IMPAC meliputi komoditi sawit, getah, koko dan lada
 - Salah Betul

Borang penyertaan

Nama:

Tahap: No tel:

Alamat Sekolah:

Alamat Rumah:

Nama pemenang Siri 19

- Siti Nurzulaikha Azman
Sek Keb. Undang Jelebu, Kuala Klawang, Negeri Sembilan
- Muhammad hafiz Akramin
Sek Keb. Desa Jaya, Bandar Tun Abdul Razak, Jengka Pahang
- Nur Irdina Mohd Kamal
Sek. Keb. Desa Jasmin, Bandar Baru Nilai, Nilai, Negeri Sembilan
- Nurul Iman Sakinah Abdullah
Sek Keb Tasek permai, Ampang, Selangor
- Mohammad Nursalam Ahmad Nasfu
Sek. Keb. Tengku Ampuan Maniam, Kuala Terengganu, Terengganu
- Sarah Irdina Abdul latif
Sek. Keb. Putrajaya Presint 8(1), Putrajaya
- Muhamad Haris Adril Shamsol Amri
Sek. Keb. Seri Mutiara, Ipoh, Perak
- Venisri a/p Muniandy
Sek. Keb. Gopeng, Gopeng, Perak
- Muhammad Hanif Izzuddin Norazhar
Sek. Keb. Tun Syed Ahmad Shahabudin, Air Keroh, Melaka
- Mohammad Faris Fitri bin Zol
Sek. Keb. St Antony, Teluk Intan, Perak



Tan Sri Bernard Dompok bersama Tan Sri Shahrir Abdul Samad, Dato' Lee Yeow Chor (dua dari kiri), Datuk Tan Yong Ghee (tiga dari kiri) dan Datuk Dr Choo Yuen May (dua dari kanan) serta rombongan menaiki bot menyusur Sungai Kinabatangan bagi melihat sendiri Program Pemuliharaan Hidupan Liar di kawasan sekitaran.



Pengarah Bahagian, Teknologi Maklumat dan Khidmat Korporat, Dr Burhanudin Abdul Salam menerima Pingat Darjah Paduka Mahkota Perak (P.M.P) dari Raja Muda Perak, Raja Dr Nazrin Shah sempena ulang tahun Hari Keputeraan Sultan Perak ke- 84 di Istana Iskandariah, Kuala Kangsar, Perak Darul Ridzuan baru-baru ini.



Tan Sri Bernard Dompok bersama rombongan meninjau Hutan Kinabatangan bagi melihat Program Pemuliharaan Orang Utan sempena lawatan kerja ke Sandakan baru-baru ini.



Menteri di Jabatan Perdana Menteri merangkap Ketua Pegawai Eksekutif PEMANDU, Datuk Seri Idris Jala melawat Kilang Minyak Sawit Rantau, Negeri Sembilan yang dilengkapi dengan teknologi Pemerangkapan Biogas dan Efluen Kilang Sawit (POME) di bawah Projek EPP5, NKEA Sawit.



Ketua Setiausaha MPIC, Datin Paduka Nurmalia Abdul Rahim bersama Naib Cancellor UKM, Tan Sri Dr Sharifah Hapsah Syed Hassan Shahabudin dan Ketua Pengarah MPOB, Datuk Dr Choo Yuen May bersama replika cek bagi pembiayaan penyelidikan di bawah Kursi Endowmen MPOB-UKM yang baru dilancar. Turut kelihatan Dr Ahmad Kushairi Din (kanan) dan Prof Datuk Dr Saran Kaur Gill (kiri).



Timbalan Menteri Perusahaan Perladangan dan Komoditi, Dato' Hamzah Zainudin meyerahkan replika cek Skim Bantuan Tanam Semula (SITS) kepada wakil peneroka FELDA Ijok, Selama, Perak. Turut kelihatan Pengarah Bahagian Penyelidikan Integrasi dan Pengembangan MPOB, Idris Omar (belakang).